

TEGAS Digital Village raih Anugerah BrandLaureate

BERNAMA



Datuk Len Talif Salleh

Kuching: Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) Digital Village meraih Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate 2022 bagi e-Penjenamaan dalam Perusahaan - kategori Penyelesaian Inovasi Digital.

Pengerusi TEGAS Datuk Len Talif Salleh berkata, anugerah itu adalah pengiktirafan kepada usaha dan komitmen organisasi itu dalam memperkasa syarikat rintisan dan perusahaan sosial di Sarawak.

"Pasukan TEGAS akan ke Kuala Lumpur bagi menerima anugerah berprestij itu pada Majlis Makan Malam Anugerah Jenama Terbaik The BrandLaureate 2022, malam ini," katanya selepas menghadiri Majlis Anugerah Shell LiveWIRE Sarawak 2022, di sini, hari ini.

TEGAS Digital Village, yang menerima dana daripada kerajaan Sarawak, menyediakan platform untuk menyokong pembangunan syarikat rintisan dan memudahkan pemindahan teknologi dan pengkomersialan.

Sementara itu, Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg yang turut menghadiri majlis itu berkata, pihaknya bercadang untuk membina sebuah asrama di pusat itu bagi kemudahan pelajar dan pengunjung dari luar negara yang datang untuk menyertai program di situ.

"Peruntukan untuk pembinaan asrama itu akan kita beri mengikut cadangan oleh TEGAS.

"Kita juga akan melihat kepada kemudahan apa yang sesuai ditempatkan di asrama itu seperti tempat beriadah," katanya.

Disiarkan pada: Disember 7, 2022 @ 4:16pm
